

'Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja tidak perlu'

Mahathir nafi rasuah menjadi2 sejak merdeka

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, menafikan dakwaan pembangkang bahawa amalan rasuah di sektor awam berleluasa sejak kemerdekaan negara 24 tahun lalu.

Perdana Menteri juga memberitahu Dewan Rakyat, adalah tidak perlu bagi Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mengkaji masalah rasuah di Malaysia.

Beliau menegaskan demikian dalam jawapannya kepada Encik Lim Kit Siang (DAP-Petaling) yang ingin tahu sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mengkaji masalah rasuah di peringkat minimum, langkah-langkah seperti berikut telah dan sedang diambil oleh Kerajaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Adalah tidak begitu tepat bagi ahli yang berhormat itu membuat anggapan bahawa amalan rasuah di bidang awam telah menjadi-jadi sejak negara kita merdeka.

"Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja juga bukanlah satu penawar yang mustajab yang boleh menjamin membawa kesan baik.

Pada analisa yang terakhir, setiap ada kejujuran Kerajaan dan ketiadaannya yang akan menentang sama ada perbuatan rasuah boleh dihapuskan atau tidak.

Sikap kejujuran

Selanjutnya, Perdana Menteri berhasrat, untuk menghapuskan amalan rasuah ataupun mengurangkannya kepada peringkat minimum, langkah-langkah seperti berikut telah dan sedang diambil oleh Kerajaan.

- Memperkukuhkan Biro Siasatan Negara (BSN) dengan menambah bilangan pegawai awam untuk berkhidmat secara tetap dengan biro berkenaan.
- Mendapatkan perkhidmatan pegawai-pegawai awam daripada agensi-agensi Kerajaan untuk dipinjamkan ke biro itu;
- Mempastikan supaya pegawai-pegawai yang berkhidmat di BSN mempunyai taraf disiplin yang tinggi dan menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya dengan jujur dan ikhlas.

plin yang tinggi dan menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya dengan jujur dan ikhlas.

- Melengkapkan BSN dengan kelengkapan yang moden yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan berkesan.
- Mempastikan supaya BSN menumpukan perhatian yang lebih terhadap menghapuskan amalan rasuah dalam ertikata sebenarnya.
- Memberi perhatian yang secukupnya terhadap aktiviti pencegahan.

Tidak berbasas

Menjawab soalan tambahan Encik Lee Kaw (DAP-Kluang), Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, adalah tidak tepat bagi seseorang menuduh bahawa BSN perlu mendapatkan kebenaran Perdana Menteri sebelum bertindak ke atas ahli politik di negara ini.

Kalau tuduhan itu benar, sudah tentu tidak ada ahli politik di Malaysia yang ditangkap dan adili kerana rasuah, tambahnya.

Encik Lim pula mengutarakan

satu lagi soalan tambahan yang menegaskan sama ada menjadi satu kelaziman dalam Barisan Nasional bahawa pemimpinnya boleh rasuah asalkan tidak menentang pucuk pimpinan.

Dengan nada tersinggung, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Dakwaan itu tidak tepat dan tidak berasas. Oleh itu saya tidak akan menjawab soalan yang tidak berasas.

Menjawab pertanyaan Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar), Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan banyak kes rasuah melibatkan wang beratus ribu ringgit juga di bawa ke mahkamah.

Kepada satu lagi soalan Encik Lim, Perdana Menteri berkata, anggapan bahawa tindakan BSN tidak berkesan adalah tidak kena sama sekali.

Kalau ahli yang berhormat ke luar negeri, beliau akan mendapati rasuah berlaku tanpa sekatkan. Di Malaysia walaupun saya akui terdapat rasuah, tapi tidak berlaku secara terbuka dan menyeluruh. Ini membuktikan BSN adalah berkesan, katanya.